

**RM117 Juta Diperuntukkan Untuk Program KAR1SMA Dan 1AZAM Sarawak
Bernama
17 Januari, 2012**

KUCHING, 17 Jan (Bernama) -- Kerajaan pusat menerusi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperuntukkan kira-kira RM117 juta untuk program kebajikan di Sarawak tahun ini.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak Datuk Fatimah Abdullah berkata daripada jumlah itu, RM99.6 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kebajikan (JKM) Sarawak untuk agihan bantuan bulanan JKM.

Selain itu, JKM Sarawak juga menerima 120 bot termasuk enjin sangkut dengan nilai keseluruhan RM6 juta bagi kegunaan ketua masyarakat di hulu sungai yang tiada kemudahan jalan darat, katanya pada penyampaian bantuan KAR1SMA dan 1AZAM, di sini Selasa.

Katanya seramai 1,112 peserta Program Teman 1AZAM dari Sarawak turut menerima barang permulaan perniagaan bernilai RM5.6 juta bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah menceburi bidang perniagaan berteraskan konsep keusahawanan sosial.

Selain itu katanya kerajaan turut memberi bantuan geran berjumlah RM5.5 juta kepada 25 buah pusat pemulihan dalam komuniti di Sarawak.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640627>